

# Debat 100 jam

## ke arah martabatkan bahasa Melayu

OLEH ANI AWANG  
GAMBAR HUSSIN IBRAHIM

um 18/12/06

**D**EWAN Bahasa dan Pustaka (DBP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) akan mencipta sejarah dalam *Guinnes Book of World Records* dan *The Malaysia Book of Records* apabila menganjurkan Debat Bahasa Melayu 100 Jam Tanpa Henti yang akan berlangsung di Dewan Seminar DBP Kuala Lumpur pada 19 hingga 23 Disember ini.

Debat itu sebagai satu seni pengucapan awam yang berperanan menyampaikan informasi dan mengembangkan pemikiran seseorang individu.

Aktiviti perkongsian intelektual itu merupakan program yang julung kali diadakan sempena ulang tahun ke-50 DBP dan UiTM.

Menurut Koordinator Unit Debat Bahasa Melayu UiTM, Noriza Hussin, debat itu bertujuan untuk memartabatkan tahap penggunaan bahasa Melayu di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya menyediakan kira-kira 200 tajuk untuk tujuan itu.

"Debat ini menggunakan format ala Parlimen yang akan disertai kira-kira 100 pasukan dengan setiap pasukan di anggotai antara tiga hingga empat pendebat.

"Setiap pendebat diberi tujuh minit untuk berdebat manakala empat minit bagi penggulungan.

"Tidak ada menang dan kalah dalam debat ini kerana setiap debat tidak berhenti dan akan disambung sehingga tamat," katanya pada sidang media Debat Bahasa Melayu 100 Jam Tanpa Henti di DBP Kuala Lumpur baru-baru ini.

Noriza yang juga pensyarah di Fakulti Pendidikan UiTM menjelaskan, sebelum ini UiTM pernah mengadakan debat bahasa Inggeris tanpa henti selama 50 jam pada Ogos lalu.

Kata beliau, setakat ini 40 pasukan daripada ins-



OTHMAN Ismail dan Noriza Hussin pada sidang media Debat Bahasa Melayu 100 Jam Tanpa Henti di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur baru-baru ini.

titusi pengajian tinggi awam dan swasta sudah mendaftar untuk menyertai debat itu.

Tambah Noriza, pihaknya masih membuka penyertaan dari kolej, universiti, institut dan maktab perguruan, sekolah berasrama penuh (SBP) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Jelasnya, setiap peserta debat itu akan menerima sijil penyertaan yang mengesahkan mereka menyertai program yang mendapat pengesahan *Guinnes Book of World Records* dan *The Malaysia Book of Records*.

Sementara itu, Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu DBP, Othman Ismail berkata, program itu dibuat sejajar dengan usaha kerajaan untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu.

Katanya, program itu akan menguji kemahiran berbahasa Melayu di kalangan peserta terutama kemahiran bahasa lisan kerana mereka yang mahir bercakap belum tentu petah dan fasih dalam berdebat.

"la sekali gus membantu para pelajar untuk berinteraksi antara satu sama lain," katanya.

Othman menambah, DBP berharap sektor awam di negara ini menyertai debat yang bertepatan dengan langkah kerajaan ke arah memperkasakan penggunaan bahasa Melayu

Maklumat lanjut mengenai debat itu boleh diikuti melalui blog <http://debatbahasamelayu100jam-tanpahenti.blogspot.com>.